

Kosmo  
12/1/15  
mls 52

SEHINGGA 5 Januari lalu, sebanyak 301,306 syarikat telah mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ekoran pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015.

Angka tersebut jelas melebihi jangkaan pihak berkenaan sebelum ini iaitu sebanyak 240,000 menjelang akhir 2014.

Daripada jumlah itu, 123,000 merupakan syarikat daripada sektor peruncitan dan pemborongan, sektor hartanah (49,000 syarikat) dan pembuatan (33,000 syarikat).

Syarikat-syarikat yang berjaya mencatat perolehan jualan melebihi RM500,000 merupakan kumpulan yang wajib mendaftar manakala syarikat yang jualan tahunannya kurang daripada nilai ambang itu boleh mendaftar secara sukarela.

Jumlah yang tinggi ini adalah petunjuk baik hasil usaha gigih kerajaan untuk mendidik pemilik perniagaan dan rakyat berkaitan kepentingan pelaksanaan GST yang akan menggantikan sistem percukaian semasa iaitu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).



TAKLIMAT-TAKLIMAT yang dianjurkan JKDM dan pelbagai pihak berkaitan memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran berkaitan GST dalam kalangan rakyat dan peniaga di negara ini. – Gambar hiasan



GST menghapuskan cukai bertindih di bawah SST, sekali gus membolehkan pengguna membayar harga yang lebih berpatutan bagi kebanyakan barang dan perkhidmatan. – Gambar hiasan

# Pengukuhan kesedaran dan kepentingan GST

**INFO Negara-negara ASEAN yang melaksanakan GST**

## Pelaksanaan GST

Kadar GST yang dikenakan berbeza, mengikut keadaan ekonomi negara yang terlibat. Dalam ASEAN, hanya Malaysia, Brunei dan Myanmar sahaja yang masih belum melaksanakan sistem percukaian tersebut.

## ASEAN

- Bilangan negara = 7
- Kadar cukai tertinggi = 12%
- Kadar cukai terendah = 7%



**MENDIDIK RAKYAT TENTANG GST**

Sehingga Disember lalu, Kementerian Kewangan telah menjalankan kira-kira 620 sesi taklimat mengenai GST untuk membantu rakyat Malaysia memahami mekanisme asas, fungsi dan implikasi cukai berkenaan.

Setelah selesai taklimat peringkat negeri tahun sebelum, kerajaan telah mengadakan taklimat di kira-kira 134 kawasan Parlimen seluruh negara dengan empat sesi taklimat diadakan di setiap kawasan pilihan raya oleh pegawai JKDM dan pemimpin masyarakat.

Dalam Bajet 2014, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi menjalankan program kesedaran dan latihan GST di seluruh negara melalui pelbagai saluran. Sejumlah RM150 juta lagi diperuntukkan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menaik taraf perisian perakaunan patuh GST.

GST dilaporkan akan membantu Malaysia mencapai bajet lebih pada tahun 2020 kerana kerajaan dijangka mengutip RM23.1 bilion dan RM32 bilion dalam pendapatan GST masing-masing pada tahun 2015 dan 2016.

Pada masa ini, sebanyak 160 buah negara melaksanakan GST termasuk tujuh dalam ASEAN.

Dalam kalangan negara ASEAN, Indonesia yang pertama melaksanakan GST pada tahun 1984, diikuti oleh Filipina (1988), Thailand (1992), Singapura (1994), Vietnam (1999), Kemboja (1999) dan Laos (2009).

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan GST, JKDM kini dalam proses pengambilan 677 petugas baharu, tambahan untuk meningkatkan kekuatan sedia ada yang berjumlah 1,227 orang pegawai.

Menurut Pengerusi Institut Percukaian Berkanun Malaysia (CTIM), SM Thanneermalai, JKDM telah melakukan yang terbaik untuk mendidik rakyat dan pemilik perniagaan mengenai sistem percukaian baharu itu dan sebab-sebab ia dilaksanakan. "Mereka (pegawai JKDM) sangat sibuk sepanjang tahun lalu dan telah mengelilingi seluruh pelosok negara untuk mengadakan sesi taklimat.

"Pada masa yang sama, organisasi swasta seperti kami turut mengadakan seminar untuk membantu kerajaan memastikan pelaksanaan GST yang lancar," katanya di sini baru-baru ini.

### MEWUJUDKAN PERUNDANGAN SEWAJARNYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan tentang pelaksanaan GST semasa membentangkan Bajet 2014 pada Oktober tahun 2013. Sejak itu, kerajaan telah menggubal undang-undang dan peraturan untuk memu-



THANNEERMALAI

dahkan peralihan kepada GST.

Rang Undang-Undang Barang dan Perkhidmatan 2014 telah diluluskan Dewan Rakyat pada 7 April 2014 dan diwartakan pada 19 Jun 2014 untuk memberi laluan kepada pelaksanaan GST pada kadar enam peratus di Malaysia.

Peraturan-peraturan tambahan lain yang diwartakan adalah Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Ketetapan Awal) 2014 (diwartakan pada 30 Jun) dan Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kajian Semula dan Rayuan) 2014 dan Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang diwartakan pada 1 Julai tahun lepas.

Selain itu, sebanyak 10 perintah telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan berkaitan pendaftaran senarai item yang berkadar sifar, standard dan diberi pelepasan daripada GST.

Ita termasuk Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa; Penetapan Tarikh Efektif bagi Pengenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan; Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Amaun Pembekalan Bercukai) 2014; Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2014; Perintah Cukai Barang dan Perkhidma-

tan (Pemakaian Kepada Kerajaan) 2014; Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Fi Permohonan Ejen Cukai) 2014; Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2014; Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan); Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar); dan Senarai Ubat Penting Kebangsaan dan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

Naib Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia, Prof. Datuk Dr. Norma Mansor berkata, undang-undang dan peraturan-peraturan ini bukan sahaja untuk memudahkan pelaksanaan GST tetapi juga untuk mengelakkan peniaga yang tidak bertanggungjawab daripada mengambil kesempatan untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya ekoran bermulanya cukai baharu itu.

### GARIS PANDUAN DAN BUKU PANDUAN GST

JKDM juga telah mengeluarkan Panduan Ejen Cukai serta 49 garis panduan industri dan 16 garis panduan khusus yang lain bagi membolehkan perniagaan mendapatkan gambaran lebih jelas terhadap fungsi GST.

Pada September tahun lalu, Perdana Menteri telah melancarkan dua buah buku yang berjudul *Buku Panduan Cukai*

Negara	Kadar GST semasa (%)
Indonesia	10
Thailand	7
Singapura	7
Filipina	12
Kemboja	10
Vietnam	10
Laos	10

*Barang dan Perkhidmatan untuk Perniagaan dan Buku Panduan Pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan.*

Sebagai insentif kepada PKS tempatan, kerajaan juga mengumumkan pemberian bawcar elektronik (e-bawcar) bernilai RM1,000 yang boleh digunakan dalam pembelian sistem perakaunan patuh GST.

Thanneermalai berkata, sebaik sahaja pelaksanaan GST berjalan lancar, perniagaan perlu memasukkan kesemua fakta dan angka untuk memastikan transaksi yang berkaitan direkodkan dengan betul.

"Pada peringkat awal pelaksanaan, mereka mungkin memerlukan sedikit bantuan.

"Namun, apabila mempunyai perisian tersebut dan memahaminya, GST akan menjadi satu sistem percukaian yang rutin," katanya.

Kementerian Kewangan telah menyiapkan sistem pengkomputeran MyGST untuk memudahkan pelaksanaan GST.

Sistem tersebut kini diuji untuk memastikan ia berjalan lancar.